



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-9

JABATAN SETIAUSAHA AGUNG

PERSATUAN PELAJAR-PELAJAR PERUBATAN MALAYSIA-MESIR

Dewan Malaysia Abbasiah Kaherah,
26, Jalan Sabel Al-Khazindar, Abbasiah, Kaherah.

No. Tel : 0114-0839115
Emel : info@perubatan.org

MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-8

BIL	AGENDA	CATATAN/TINDAKAN
1	8.30 a.m. : Taklimat disiplin dan protokol.	Muhammad Alfatani Bin Abdullah
2	8.35 a.m. : Ucapan aluan pengerusi majlis. 1. Ketibaan Presiden PERUBATAN 2011/2012 Syafiq Bin Hamdani, Pengarah Mesyuarat Agung Tahunan kali ke 8 Muhammad Amirul Afiq Bin Mohd Sor dan Ahli Jawatankuasa Tertinggi PERUBATAN 2011/2012 dan jemputan ke hadapan. 2. Majlis dibuka dengan bacaan Al-fatihah. 3. Doa dibacakan. 4. Menjemput pengarah MAT -8 memberikan ucapan.	Hanisah Binti Hashim Mohd Amin Bin Yaakob
3	8.40 a.m. : Kata-kata aluan pengarah MAT -8. 1. Sidang dewan perlu memperbaharui niat dan membuat amal yang menatijahkan amal. 2. Berharap mesyuarat berjalan lancar. 3. Ucapan penghargaan kepada AJK Pelaksana dan semua yang terlibat dalam melaksanakan program.	Muhammad Amirul Afiq Bin Mohd Sor
4	8.45 a.m. : Ucapan Aluan Presiden PERUBATAN 2011/2012. (Rujuk Buku Program, halaman 8-11)	Syafiq Bin Hamdani
5	9.00 a.m. : Ucapan Perasmian Penasihat PERUBATAN. 1. Terima kasih kepada semua pelaksana. 2. Mengalu-alukan sidang dewan yang hadir. 3. Mohon sidang dewan tajdid niat menghadiri mesyuarat bukanlah untuk mencari kesalahan AJKT mahupun PERUBATAN. Bahkan sebagai penambahbaikan bersama. 4. Sidang dewan perlu bezakan mencari dan membetulkan kesilapan. 5. Perwakilan harus menjaga intonasi kerana ia melambangkan apa maksud yang hendak disampaikan. 6. Berharap mesyuarat diadakan dengan mahabbah. 7. MAT -8 dirasmikan.	Muhd Khairul Imdad Bin Mohd Yusoff
6	9.05 a.m. : Pengerusi Majlis menjemput Pengarah MAT-8 mengiringi Presiden PERUBATAN Syafiq Bin Hamdani menyampaikan cenderahati kepada perasmi MAT -8.	Hanisah Binti Hashim
7	9.09 a.m. : Majlis diserahkan kepada pengerusi sidang. 1. Mempersilakan AJKT 2011/2012 mengambil tempat di atas pentas. 2. Ucapan alu-aluan dan terima kasih pada semua.	Hamdi Bin Razali

	<p>3. Memohon supaya menjaga elemen masa dan tata tertib kerana dua aspek ini adalah indikator keberkesanan setiap program.</p> <p>4. Membuka kepada mana-mana perwakilan untuk mencadangkan usul baru atas klausa “usul tergepar” di kaunter pendaftaran sehingga jam 10.00 pagi.</p> <p>5. Menerangkan etika dan hak-hak perwakilan dan pemerhati – rujuk halaman 4.</p>	
8	<p>9.12 a.m. : Agenda pertama. Pembentangan dan pengesahan laporan minit mesyuarat MAT -7.</p> <p>1. Para perwakilan dan pemerhati diberi masa meneliti minit mesyuarat yang lepas.</p> <p>2. Afuza Abdullah Idris mengesahkan minit mesyuarat.</p> <p>3. Ahmad Luqman Bukhari menyokong pengesahan minit mesyuarat.</p>	Mohd Hazwan Bin Rusli
9	<p>9.16 a.m. : Agenda kedua. Pembentangan laporan aktiviti tahunan PERUBATAN 2011/2012 oleh Setiausaha Agung Perubatan 2011/2012.</p> <p>1. (Rujuk Buku Program; Halaman 36-44)</p> <p>2. Sidang dewan diminta meneliti laporan.</p>	Mohd Hazwan Bin Rusli
10	<p>9.20 a.m. : Agenda ketiga. Pembentangan laporan kewangan tahunan PERUBATAN 2011/2012 oleh Bendahari Kehormat PERUBATAN 2011/2012.</p> <p>1. (Rujuk Buku Program; Halaman 45-51)</p> <p>2. Sidang dewan diminta meneliti laporan</p>	Mohd Hilmi Bin Mohd Hatta
11	Perwakilan bertanya tentang pengurusan pembentangan laporan aktiviti tahunan dan kewangan yang dianggap tidak efektif.	Muhammad Abu Ubaidah Mustapha Kamal
12	<p>9.24 a.m. Perlantikan setiausaha sidang dewan.</p> <p>1. Amir Syahid Bin Ezani</p> <p>1.1. Dilantik oleh: Mohamad Saifuddin Bin Ibrahim</p> <p>1.2. Disokong oleh: Saeed Zubeir Bin Zahari</p> <p>2. Nur Izzati Binti Mohd Hashim</p> <p>2.1. Dilantik oleh: Siti Rokiah Binti Ishak</p> <p>2.2. Disokong oleh: Zahidah Binti Hamzah</p>	Hamdi Bin Razali
13	<p>9.26 a.m. : Sesi muhasabah laporan tahunan dan AJKT PERUBATAN 2011/2012.</p> <p>1. Meminta penjelasan kredit untuk Simposium Mahasiswa Perubatan Islam yang sepatutnya tidak ada kerana program tersebut ditaja oleh Kerajaan Kelantan.</p> <p>2. Beliau turut memuhasabah direktori perumahan yang tidak sistematik dan menyimpan data boleh ubah sehingga kredit mencapai LE1600.</p> <p>3. Mohon penjelasan kredit program AHLAN yang tidak selaras setiap cawangan dan kriterianya.</p>	<p>Siti Rokiah Binti Ishak</p> <p>Megat Safuan Zakuan Bin Safian</p>

<ol style="list-style-type: none"> 4. Menegur protokol majlis dan menjelaskan bahawa Pengesahan laporan Biro lain dan Laporan Kewangan oleh Bendahari Kehormat adalah berbeza kerana Laporan Kewangan perlu disahkan dan disokong. 5. Mohon penjelasan Projek Clinical Medicine Phrasebook (CMP 2) yang tiada dalam laporan. 6. Bagaimana status kewangan 2010/2011. Semua ahli perlu tahu aliran kewangan bagi fasa tersebut. 7. Memohon penjelasan status keberkesanan Syaqaq Brother dalam menjaga kebajikan mahasiswa tahun 1 dan respon balas mereka. 8. Menyatakan tugas Bendahari adalah menjaga perbendaharaan secara menyeluruh – sekaligus menegur laporan yang dibentangkan yang hanya melampirkan penyata akaun semata tanpa nilai aset yang terperinci. 9. Mohon penjelasan mengapa akaun rasmi PERUBATAN adalah di Malaysia bukannya di Mesir. 	<p>Ahmad Mu'az Bin Kamalul Sahar</p> <p>Sharifah Nurul Hidayah Binti Syed Murzaki</p> <p>Haniz Iqbal Bin Hazaidi</p> <p>Muhammad Syazwan Bin Mohd Nor</p>
<p><u>Jawapan respon oleh Bendahari Kehormat:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Debit program Simposium boleh dirujuk di halaman 48. 2. Pembahagian dana AHLAN mengikut permintaan Cawangan dan kemampuan ahlinya. 3. CMP 2 adalah di bawah pantauan Jabatan Bendahari Kehormat dan aktiviti tersebut sepatutnya diletakkan pada laporan 2010/2011. Teguran diterima sebagai Muhasabah. 4. Proses Pembentangan Laporan Biro dan Laporan Kewangan disekalikan kerana tidak menyangka perbincangan akan terlalu bertumpu sekitar Laporan Kewangan. Teguran diterima sebagai Muhasabah. 5. Aset adalah di bawah pengurusan Biro Perumahan dan Senarai Aset tidak dapat dilampirkan atas kesilapan teknikal. 6. Akaun rasmi PERUBATAN dibuka di Bank Rakyat bagi memudahkan urusan dana. Ada cawangan yang sudah mempunyai akaun sendiri di Mesir. PERUBATAN pusat masih tiada. 7. Laporan Biro dan Laporan Kewangan disatukan untuk menjimatkan masa. 	<p>Mohd Hilmi Bin Mohd Hatta</p> <p>Siti Khadijah Binti Daud</p> <p>Mohd Hilmi Bin Mohd Hatta</p>
<p><u>Respon kepada persoalan lain:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Dana AHLAN kepada setiap universiti mengikut penajaan mahasiswa dan kemampuan. 2. Direktori perumahan sukar disiapkan awal kerana kesulitan mendapatkan maklumat dan tidak mendapat kerjasama ahli. 3. LE 1600 debit sebagai debit secara pinjaman untuk direktori perumahan adalah bagi menggantikan duit AJK yang menyediakannya di bawah makluman Timbalan Ketua Biro dan Bendahari Kehormat. Exco Biro akan mencari dana dan mengganti semula kerugian akibat kualiti direktori yang 	<p>Muhammad Ridzuan Bin Mohd Nor</p> <p>Muhammad Nurhelmi Bin Mohd Lukhman</p>

<p>rendah.</p> <p>4. Syaqaq Brother – Hanya berfungsi pada awal tahun untuk teknikal perumahan dan tunjuk ajar cara hidup di Mesir sahaja. SB ini masih belum dijalankan di Azhar. Di sesetengah Cawangan, mentor SC sendiri yang menjaga kebajikan mahasiswa tahun 1.</p>	
<hr/> <ol style="list-style-type: none"> 1. Meminta supaya AJKT disediakan tag nama dan memperkenalkan portfolio sendiri sebelum bercakap semasa MAT. Tidak semua ahli mengenali AJKT Pusat, terutama bagi ahli dari Cawangan. 2. Memohon penjelasan status akaun PERUBATAN bagi membolehkan kerajaan negeri menyalurkan sumbangan – sumbangan tidak dapat disalurkan ke akaun persendirian. 3. Memohon penjelasan Sistem Duta yang tiada dalam laporan Setiausaha Agung. (Rujuk Buku Program; halaman 37) 4. Mempersoalkan kenapa Qiam Jamaie di Markas Abour Risy dan Direktori Perumahan Kaherah dimasukkan di bawah kredit akaun PERUBATAN Pusat. (Rujuk Buku Program; halaman 47) 5. Penjelasan yuran tahunan ahli PCM yang bernilai LE 0. (Rujuk Buku Program; halaman 46) 6. Memohon penjelasan berkaitan akaun TKS, tiket pulang ke Malaysia LE500 dan LE 1500. (Rujuk Buku Program; halaman 50) 7. Penjelasan berkenaan unit R&D. 8. Mengusulkan laporan kewangan tahun ini dibawa ke tahun hadapan kerana mempunyai banyak kesilapan. Semua juruaudit tahun lepas, tahun ini dan tahun hadapan diminta bersiap untuk MAT akan datang dengan laporan lebih terperinci. 9. Laporan Kewangan: Memohon Penjelasan kredit PCT LE240 pada sumbangan modal, tidak diterima. (Rujuk Buku Program, halaman 46) 10. Kewangan: Dana pusat kepada gerai Dental Checkup bersempena PWtC 2012 hanya LE300 bukannya LE360. 11. Biro Perumahan: Direktori perumahan harus disimpan supaya tak terlepas pada Orang Arab dan organisasi lain untuk menjejaki ahli. Diterima sebagai muhasabah. 	<p>Ahmad Syazwan Bin Zainal Ariffin</p> <p>Hani Izzati Binti Yaakob</p> <p>Radin Rahmah Binti Radin Monawir</p> <p>Muhammad Syazwan Bin Mohd Nor</p> <p>Khairul Anuar Bin Khalid</p>
<hr/> <p>Respon oleh Bendahari Kehormat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Semua cawangan ditaja oleh pusat untuk eratkan lagi kesatuan pada Samb. Hari Perubatan cuti musim panas lepas. 2. PCT - Kredit LE 240 bawah entiti dana PERUBATAN. 3. Permohonan maaf kepada PCT. Penyerahan duit berlaku lewat akibat masalah teknikal. 4. PCM – Masih belum terima 30% bahagian duit. 	<p>Siti Khadijah Binti Daud</p>

<p>5. Direktori perumahan diletak pada akaun pusat kerana melibatkan tiga universiti di Kaherah (pusat).</p> <p>6. LE 360 telah dikeluarkan untuk Pwtc Dental Check Up. JBK menyimpan resit pengeluaran jumlah tersebut.</p> <p>7. Menyerahkan usul tangguhkan laporan kewangan kepada pengerusi sidang.</p> <p>8. PERUBATAN pusat sudah buka akaun rasmi Bank Rakyat pada tahun lepas atas nama Akaun Persatuan Pelajar Perubatan Mesir Malaysia. Bukan individu.</p> <p>9. Bercadang dan berusaha memecahkan kepada akaun per cawangan pada sesi datang.</p> <p>10. Guna Bank rakyat kerana agak mudah berbanding HSBC.</p> <p>Respon lain:</p> <p>1. Duta sebagai orang tengah PERUBATAN dan BKAN.</p> <p>2. Permohonan maaf kerana Lapoan tercicir dari buku MAT-8.</p> <p>3. Setiausaha Agung: Duta sudah dilantik secara tidak rasmi. Insya-Allah akan bergiat pada sesi datang.</p> <p>4. Panitia Perancang: Unit R&D baru dibuka pada pertengahan sesi. Bertujuan analisis gerak kerja PERUBATAN untuk penambahbaikan. Akan diteruskan pada sesi datang.</p> <p>5. Biro perumahan: Direktori disebarkan untuk sampaian maklumat. Ahli perlu jaga sebaiknya.</p> <p>6. Biro kebajikan: Duit TKS – LE 1500 bergantung pada situasi. Mahasiswa tersebut sakit kritikal dan agak susah.</p> <hr/> <p>1. Pengerusi sidang mencadangkan undian dijalankan untuk menangguhkan pengesahan laporan kewangan kepada sesi akan datang.</p> <p>2. Dibantah oleh perwakilan. Menyatakan bahawa sesi baru tidak boleh bermula sekiranya minit mesyuarat dan laporan kewangan tidak sah.</p> <p>3. Keputusan bukan di bawah kuasa Pengerusi Sidang, tetapi Lembaga Penasihat.</p> <p>4. PERUBATAN sendiri berurusan dengan BKAN jika terdapat program.</p> <p>5. Projek Dana Perubatan 2011 untuk PCI dan PCT adalah LE 0. Rujuk halaman 49.</p> <p>6. Nama persatuan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab tidak berjalan secara efektif mengikut peruntukan perlembagaan.</p> <p>7. Mencadangkan supaya laporan kewangan diselesaikan hari ini juga.</p> <p>8. Meminta penjelasan tentang faedah yang diperoleh ahli melalui Unit Teras Seminar di bawah Panitia Perancang.</p> <p>9. Mempersoalkan kenapa program Jaulah Maqam tidak dilaksanakan dalam cuti musim sejuk.</p> <p>10. Persoalan mengapa Kelab Sukan tidak diaktifkan.</p> <p>11. Biro Kebajikan: Buku Panduan Kebajikan tidak diperoleh pada sesi ini, tidak seperti sesi sebelumnya.</p>	<p>Mohd Hilmi Bin Mohd Hatta</p> <p>Mohd Hazwan Bin Rusli</p> <p>Aimi Athirah Binti Azmi Murad</p> <p>Muhammad Nurhelmi Bin Mohd Likhman</p> <p>Mohd Hilmi Bin Mat Noh</p> <p>Hamdi Bin Razali</p> <p>Mohd Muaz Bin Kamalul Sahar</p> <p>Engku Muhammad Fahmi Bin Engku Abdul Rahman</p> <p>Siti Nurbani Binti Md Hassan</p> <p>Mohd Izzuddin Bin Subari</p> <p>Siti Rokiah Binti Ishak</p> <p>Wan Abdul Halim Bin Wan Omar</p>
---	---

<p>12. Memohon penjelasan berkaitan kelewatan pengeluaran majalan I-Man III walaupun iklannya telah keluar awal.</p> <p>13. Memohon penjelasan kenapa perlantikan wakil akademik tiada dalam laporan biro.</p> <p>14. Mohon jelaskan Program Hati Ke Hati.</p> <p>15. Mohon jelaskan Kempen Bakti Sosial. Rujuk halaman 42.</p> <p>16. Mencadangkan supaya AJKT menziarahi ahli di rumah negeri.</p> <p>17. Mempersoalkan tentang program Ziarah oleh SS bersempena peperiksaan tetapi tidak oleh SB.</p> <p>18. Mencadangkan pemasaran produk PERUBATAN di rumah negeri.</p> <p>19. Memohon penjelasan berkaitan pertemuan wakil PERUBATAN dan YB Saifudin semasa musim panas yang lalu yang tiada dalam Laporan.</p> <p>20. Memohon penjelasan berkaitan sejauh mana peranan Biro Akademik menyelesaikan masalah fail pelajar.</p>	<p>Nasibah Binti Abu Bakar</p> <p>Muhamad Arif Bin Mamat Noor</p>
<p>Respon oleh AJKT:</p> <p>1. Rujuk halaman 49. Projek Dana – PCI dan PCT ada sumbangan yang tersendiri dan akaun yang tersendiri. Tiada masalah jika tidak memberi sumbangan pada pusat.</p> <p>2. Kempen Bakti Sosial – Dimulakan selepas tertubuh markas Abou Risy. Konsepnya adalah bagi menggalakkan ahli menyumbang untuk melengkapkan keperluan markas. Respon adalah sangat baik dan hampir 80% kelengkapan markas adalah hasil sumbangan ahli.</p> <p>3. Ziarah AJKT ke rumah ahli – Diambil sebagai muhasabah kerana hanya dijalankan pada awal sesi.</p> <p>4. Ziarah AJKT ke BKAN – Mengucapkan terima kasih atas cadangan.</p> <p>5. SB juga melakukan aktiviti yang sama cuma tidak dinyatakan.</p> <p>6. I-Man – Iklan tidak akan dikeluarkan jika produk belum siap. I-Man III tidak dijual di sekitar Hayyu Sabi'e kerana Markas Sabek belum siap. Namun penjualan di program tetap diadakan.</p> <p>7. Unit Teras Seminar ditubuhkan untuk kesinambungan ahli supaya ahli yang tidak menyertai seminar akan turut mendapat input hasil seminar</p> <p>8. Jaulah maqam tidak dijalankan kerana tempoh cuti yang singkat. BSAL juga turut memberi keutamaan kepada LEXUS dan BEST.</p> <p>9. Kelab yang tidak aktif diterima sebagai muhasabah.</p> <p>10. Biro Kebajikan: Buku kebajikan dalam proses dan akan dikeluarkan pada sesi akan datang.</p> <p>11. Biro Akademik: Perlantikan wakil akademik hanyalah untuk mahasiswa tahun 1 Universiti Al-Azhar, jurusan perubatan dan pergigian, ini adalah kerana mereka tiada sistem SS dan SB. Tiada laporan dibuat kerana program ini adalah sekadar</p>	<p>Siti Khadijah Binti Daud</p> <p>Nihal Binti Mohd Tarmizi</p> <p>Muhammad Azizul Hakim Bin Azizul</p> <p>Aimi Athirah Binti Azmi Murad</p> <p>Mohamed Khaliq Bin Isa</p> <p>Mohd Hilmi Mat Noh</p> <p>Wan Ahmad Hafizi Bin Wan Ahmad Junaidi</p>

<p>pertemuan ringkas, namun ada laporan yang diterbitkan di PO.</p> <p>12. Program Hati ke Hati untuk mahasiswa tahun 1 di Universiti Ain Shams dan Universiti Kaherah. Beliau turut memohon maaf kerana tidak sempat melaksanakannya di Universiti Al-Azhar. Laporan ini juga turut dimuatkan di PO.</p> <p>13. Urusan fail dan daftar pelajar – Beberapa kes tertunggak sudah berjaya diselesaikan. Usaha untuk menyelesaikan yang berbaki dengan cara mendesak EME akan terus dijalankan.</p> <p>14. BPI: Berkenaan program kepimpinan yang diadakan dengan kerjasama Ustaz dari Shoubra, tiada lantikan rasmi dibuat. Beliau memohon maaf atas ralat.</p> <p>15. Pasangan yang belum diberi duit saguehati dari TKS, insya-Allah akan diberi.</p> <p>16. Status UBM – Satu program telah dilaksanakan. Masih baru dan mendapat sambutan.</p> <p>17. Penggunaan Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab pada nama PERUBATAN bergantung pada situasi.</p>	<p>Abd Rahim Bin Samad</p> <p>Dahlia Hazirah Jaafar</p> <p>Syafiq Bin Hamdani</p>
<hr/> <p>1. Mempersoalkan mengapakah terdapat Cawangan yang menggunakan peruntukan yang tinggi untuk pelaksanaan AHLAN.</p> <p>2. Berpendapat bahawa isu duit banyak ditimbulkan kerana membabitkan lokaliti yang berbeza, dan menyatakan bahawa sepatutnya semua akaun PERUBATAN diselaraskan.</p> <p>3. Berpendapat bahawa AQSA perlu meluaskan peranan dengan tidak tertakluk kepada isu Palestin sahaja.</p> <p>4. Mempersoalkan prestasi pelaksanaan PROF di Universiti Al-Azhar.</p> <p>5. Menyoal berkaitan I-man III.</p> <p>6. Merujuk kepada Laporan Biro pada halaman 49, perwakilan bertanya tentang kekerapan percetakan TIBBIANs dan memohon penjelasan kenapa terlalu banyak kredit untuk cetakan TIBBIANs.</p> <p>7. Mempersoalkan kerelevanan penutupan laman web Komuniti PERUBATAN.</p> <p>8. Perwakilan turut memohon penjelasan berkaitan status program Adinda.</p> <p>9. Memohon penjelasan berkaitan hak Cawangan untuk mendahului pusat dalam hubungan diplomatik dengan masyarakat Arab.</p> <p>10. Memohon penjelasan kenapa cawangan tidak perlu ada akaun sendiri, sedangkan dewan sedia maklum bahawa Mansoura kurang tajaan dan perlukan dana agak besar daripada PERUBATAN untuk program.</p> <p>11. Perlunya pendekatan daripada presiden kepada ahli walaupun sekadar kenyataan rasmi dikeluarkan. Contohnya berkaitan pertemuan dengan Tun Dr. Mahathir.</p> <p>12. Memuhasabah program yang dijalankan untuk</p>	<p>Megat Safuan Zakuan bin Safian</p> <p>Nurul Afiqah Binti Norhusaini</p> <p>Saeed Zubeir Bin Zahari</p> <p>Nur Amalina Binti Mohd Shukri</p> <p>Mohd Iskandar Bin Sa'uadi</p> <p>Maryam Fatini Binti Mohd Zabudin</p>

<p>memperbanyak tapi tiada komitmen untuk datang mesyuarat.</p> <p>13. Mesyuarat dijalankan tidak mengikut protokol dan menyatakan bahawa surat jemputan perlu dikeluarkan untuk mesyuarat dll.</p> <p>14. Mengucapkan Tahniah kepada AJKT yang telah bertugas dengan gigih.</p> <p>Respon AJKT:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menyatakan bahawa PROF Azhar sememangnya perlulah lebih aktif dengan ahli yang semakin bertambah. 2. Unit protokol (dalam menyediakan panduan khas) akan digerakkan oleh Jabatan Setiausaha sesi akan datang. 3. Menyatakan bahawa dana AHLAN yang agak besar diperlukan dari akaun semasa PERUBATAN adalah disebabkan faktor kurang penajaan mahasiswa di sesetengah universiti. 4. I-Man III dibuat pada sesi 2010 dan tarikh cetakannya agak lambat iaitu pada 25 Jan 2011. Terpaksa ditunda cetakan selama 4 bulan. 5. TIBBIANs tidak dapat dikeluarkan kerana kekangan masa dan kurang wang untuk dicetak di seluruh Mesir. Jika diteruskan cetakan, akan berlaku defisit. 6. Komuniti PERUBATAN Cawangan ditutup supaya maklumat dapat disatukan dan tidak bertindan. 7. Setiap cawangan diberi modal berbeza mengikut keperluan dan permintaan Cawangan. 8. Memohon maaf atas kelewatan membuka akaun rasmi dan berharap supaya sidang perwakilan dapat mendoakan supaya akaun yang dapat digunakan di luar negara dapat dibuka. 9. Beliau turut menyeru kepada ahli dan para penggerak PERUBATAN terutamanya untuk berjimat cermat dalam proses pengurusan program. 10. Menyatakan bahawa AQSA baru ditubuhkan. Isu Somalia dan Syria turut diambil berat oleh AQSA. Pihak AQSA telah mengedarkan tabung dana dan informasi untuk kedua-dua negara ini. 11. Menyatakan bahawa status Program Adinda adalah ditangguhkan. 12. Pertembungan antara kuantiti dan kualiti program diambil sebagai muhasabah. 13. Menyatakan bahawa program yang dijalankan adalah mengikut takwim bulanan PERUBATAN yang telah dirancang dengan teliti dan sistematik oleh unit Panitia Perancang. 14. Menyatakan bahawa hubungan diplomatik bersama masyarakat Arab boleh dibuat oleh Pengerusi Cawangan sendiri. Namun sekiranya melibatkan urusan persatuan, perbincangan dengan Presiden perlu dibuat. Beliau berharap hubungan yang dijalankan secara peribadi tidak 	<p>Mohd Hazwan Bin Rusli</p> <p>Muhammad Ridzuan Bin Mohd Nor</p> <p>Siti Khadijah Binti Daud</p> <p>Dahlia Hazirah Binti Jaafar</p> <p>Aimi Athirah Binti Azmi Murad</p> <p>Syafiq Bin Hamdani</p>
---	---

	ditimbulkan sebagai masalah pada masa akan datang.	
14	10.59 a.m. : Pengerusi Sidang menyeru kepada sidang dewan untuk memberikan penghargaan kepada AJKT 2011/2012.	Hamdi Bin Razali
15	11.00 a.m. : Membuat makluman berkaitan keputusan Lembaga Penasihat tentang laporan kewangan. Lembaga Penasihat telah bersetuju akaun ditangguh kepada tahun hadapan dengan merujuk Fasal 10, bahawa akaun tidak perlu disahkan. Dibangkang oleh seorang perwakilan kerana ianya bukanlah kuasa penasihat tetapi perlu persetujuan para perwakilan.	Muhd Khairul Imdad Bin Mohd Yusoff Muhammad Abu Ubaidah Bin Mustapha Kamal
16	11.05 a.m. : Pengerusi sidang menjemput AJKT 2011/2012 mengambil tempat di bawah pentas.	Hamdi Bin Razali
17	11.07 a.m. : Memaklumkan tentang beberapa Pindaan Perlembagaan yang telah dibuat semasa MAT-7 namun kemaskini tidak dilakukan kepada buku perlembagaan yang diedarkan kepada Dewan. 1. Pindaan kepada Fasal 1: Nama dan Alamat Diubah kepada Persatuan ini dinamakan PERSATUAN PELAJAR-PELAJAR PERUBATAN MALAYSIA-MESIR atau dalam Bahasa Inggeris, ASSOCIATION OF MALAYSIAN MEDICAL STUDENT IN EGYPT, dan sebutan ringkasnya disebut sebagai PERUBATAN dan selepas ini disebut sebagai PERUBATAN. Alamat berdaftar dan alamat surat menyurat PERUBATAN ialah Dewan Malaysia Abbasia Kaherah, 26 Jalan Sabel El-Khazindar, Abbasia, Kaherah, Mesir 2. Fasal 3: Penaung Diubah kepada Education Malaysia Egypt (EME) 3. Fasal 10: Mesyuarat Agung Tahunan Menghazafkan perkara 11 iaitu: Jika kourum tidak mencukupi dalam masa dua jam selepas masa yang telah ditetapkan, mesyuarat boleh juga diteruskan sekiranya kehadiran ahli yang layak mengundi melebihi 1/5 ahli PERUBATAN. 4. Fasal 32: Tindakan Tatatertib dan Lucut Hak Penambahan pada matan Perkara 1 iaitu: Tindakan tatatertib akan dikenakan terhadap jawatankuasa/ahli secara individu atau kumpulan yang melanggar mana-mana fasal perlembagaan dalam membuat keputusan atau tindakan yang membawa nama PERUBATAN. Tindakan ini mestilah di bawah persetujuan Jawatankuasa PERUBATAN dan Lembaga	Radin Rahmah Binti Radin Monawir

	Penasihat.	
18	11.18 a.m. : Ucapan Dasar Presiden 2012/2013. (Rujuk Buku Program: halaman 12-18)	Wan Ahmad Hafizi Bin Wan Ahmad Junaidi
19	<p>11.39 a.m. : Sesi perbahasan ucapan dasar.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Bukan sahaja BPI yang perlu memainkan fungsi dalam mengajak ahli kembali kepada Islam bahkan semua kepimpinan dan ahli. 2. Menegur tentang hanya sedikit perubahan yang dilakukan walaupun kerap kali dimuhasabah. 3. Menyatakan bahawa banyak kesalahan dan tiada pembaharuan dilakukan dalam semua program yang dibuat. Berharap supaya kesalahan yang sama tidak diulang. 4. Beliau menyatakan bahawa sentimen imej Muslim perlu dititikberatkan melebihi isu professionalisme. 5. Menegur tentang pantauan Pentadbiran Pusat kepada Cawangan yang dilihat lemah. Menyatakan bahawa Pusat perlu menegur Cawangan sekiranya ada kesalahan. 6. Menyatakan bahawa majlis tidak sepatutnya menyekat perwakilan daripada melontarkan cadangan dan adalah tidak relevan untuk perbincangan usul atau mesyuarat untuk berlaku di luar dewan. 7. Beliau berpendapat bahawa 10 tahun adalah usia yang masih baru untuk persatuan yang agak besar. 8. Menyatakan bahawa kesilapan yang kecil perlu dibaiki untuk meneruskan agenda yang lebih besar. 9. Menyokong untuk penekanan diberikan kepada agenda profesionalisme. 10. Bersetuju terhadap penekanan dan fokus kepada agenda ekonomi. 11. Menyeru kepada perbincangan berkaitan agenda ekonomi dengan memberi penekanan kepada aspek risiko dan pasaran. 12. Menyarankan supaya tenaga ahli yang ramai digunakan untuk memasarkan produk BKON, sekaligus akan membawa kepada agenda kesatuan PERUBATAN. 13. Memberi komentar berkaitan Agenda Kebajikan – beliau menyatakan bahawa PERUBATAN perlu turun membantu dua orang ahli PERUBATAN di bawah tajaan Yayasan Terengganu yang ditarik pinjaman atas alasan yang tidak kukuh. Beliau turut menyeru kepada semua ahli untuk menyumbangkan derma kepada mereka. 14. Menerangkan konsep bahas ucapan dasar adalah nyatakan persetujuan atau membangkang. 15. Menyatakan sokongan 100% terhadap ucapan dasar Presiden PERUBATAN 2012/2013. 16. Dengan merujuk kepada halaman 14, perwakilan menyatakan bahawa konsep “give and take” perlu ditekankan bukan sahaja dari sudut kewangan dan tenaga 	<p>Mohamad Azharuddin Bin Mat Naziz</p> <p>Mohamed Nasarudeen Bin Bin Abdul Hamed</p> <p>Muhammad Hafiz Bin Haji Shamsuri</p> <p>Mohammad Zulfahmi Bin Hanafi</p> <p>Mohd Hazrie Hayat Bin Sofaruddin</p> <p>Nihal Binti Mohd Tarmizi</p> <p>Maisarah Binti Mahmood</p> <p>Nur Adibah Husna Binti Aladdin</p>

	<p>sahaja malah maklumat dan informasi. Kepimpinan tak menang tangan untuk capai semua ahli dalam sebarkan info.</p> <p>17. Memberi komentar berkaitan Agenda Akademik – berpendapat bahawa agenda ini perlu diberi penekanan kerana ini adalah tujuan utama mahasiswa datang ke Mesir. Beliau turut berpendapat bahawa target yang diletakkan mestilah tinggi dan mahasiswa Mesir hendaklah berdiri sama taraf dengan mahasiswa perubatan di Malaysia. Sokongan terhadap pembawaan agenda akademik turut dinyatakan dan menyarankan supaya pimpinan turut memberi perhatian khusus kepada pelajar yang mengulang tahun dan para pelajar program G2G.</p> <p>18. Menyentuh berkaitan Agenda Profesionalisme, perwakilan menyatakan bahawa PERUBATAN hendaklah cakna kepada etika, protokol dan kawalan kualiti. Dalam hal ini, pentadbiran pusat harulah mendahului Cawangan.</p>	Raja Khairunnisa Aqilah Binti Raja Mohd Naguib
20	<p>Pengerusi Sidang memberikan penjelasan kepada isu-isu pengurusan MAT yang telah menimbulkan ketidakpuasan hati perwakilan. Menyatakan bahawa Minit Mesyuarat MAT-7 perlu kepada pengesahan semula kerana pengesahan sebelum ini dilakukan oleh perwakilan yang tidak menjadi perwakilan pada MAT-7.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pengesahan minit mesyuarat MAT-7. 2. Menyokong pengesahan minit mesyuarat MAT-7. 	<p>Hamdi Bin Razali</p> <p>Hani 'Izzati Binti Yaakub Siti Noor Redzuani Binti Shafii</p>
21	12.03 p.m. : Pengerusi umum menanggungkan mesyuarat untuk solat zohor dan makan tengahari.	Hanisah Binti Hashim
22	13.32 p.m. : Pengerusi sidang menjemput pengerusi khas untuk perbahasan usul, Muhammad Husaini Bin Salleh.	Hamdi Bin Razali
23	<p>13.36 p.m. : Ucapan Pengerusi Khas</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Majlis dibuka dengan Al-Fatihah. 2. Kata alu-aluan. 3. Penasihat PERUBATAN telah menerima 13 usul dan 7 usul telah dipilih untuk dibahaskan. 4. Tatatertib dan disiplin perwakilan untuk membahaskan usul 5. Menerangkan definisi usul. 6. Pengerusi khas berhak memotong mana-mana hujah yang tidak sesuai. 	Muhammad Husaini Bin Salleh
24	<p>13.42 p.m. : Perbahasan dimulakan.</p> <p>USUL 1</p> <p><i>“Mempertingkat kualiti pembangunan dan profesionalisme mahasiswa PERUBATAN dari segi budaya membaca, penguasaan bahasa, dan gerak kerja beretika.”</i></p> <p>Pembentangan Usul:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Bertujuan agar mahasiswa cakna dengan isu yang berlaku 	Nur Zahidah Binti Hosman

